

# INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421





# MEJAR (B) HAZNAIN NGAMIL USAHAWAN LUNCUR UDARA BORNEO PARAGLIDERS SDN. BHD.

Roseziahazni Abdul Ghani<sup>1</sup>, A'tiqah Rashidah Abu Samah<sup>1</sup>, Noor Malinjasari Ali<sup>1</sup> Nurul Syuhada Baharuddin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu

\*Koresponden: roseziah@uitm.edu.my

Sukan ekstrem atau sukan sukan lasak, juga dikenali sebagai sukan aksi atau sukan alternatif, adalah acara sukan atau aktiviti yang bercirikan kelajuan tinggi dan berisiko tinggi kini amat digemari dikalangan sebahagian peminat-peminat sukan Malaysia. Antara 10 sukan lasak yang kini popular di Malaysia ialah selam udara (skydiving), selam skuba (skuba diving), luncur udara (paragliding), luncur air (parasailing), snorkeling, skuba doo, terjun lalabah (bungee jumping) dan berakit air putih. Sukan-sukan ini dikatakan mampu meningkatkan adrenalin dan meningkatkan kegairahan hidup untuk berjuang.

Intipati sukan ekstrem ini ialah ia bukan tentang bersaing dengan lawan tetapi lebih kepada bersaing dengan diri sendiri. Melalui sukan ekstrem seseorang atlet dikatakan mampu bergerak bersama bumi, menentang graviti dan ketakutan yang ada dalam diri.

Siapa sangka, bermula dengan minat terhadap sukan lasak, akhirnya menjadikan ia sebagai salah satu sumber pendapatan yang lumayan buat alumni Diploma Pengurusan Perniagaan (DBS) UiTM Cawangan Terengganu 1989-1992, Haznain Ngamil. Beliau berasal dari Banting Selangor dan lebih dikenali dengan panggilan Wak Nine di kalangan rakan sebayanya. Bergiat aktif dalam Ko-kurikulum Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UiTM, beliau telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada tahun 1992. Atas latihan yang mantap dari PALAPES telah mendorong minat yang mendalam untuk beliau terus berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia sebaik menamatkan pengajian.

Setelah menamatkan perkhidmatan di dalam Rejimen Renjer DiRaja, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Keselamatan di Universiti Malaysia Sabah. Sebagai individu yang berlatarbelakang lasak beliau tidak pernah duduk diam. Beliau telah bergiat aktif di dalam aktiviti paragliding pada tahun 2007 sebagai aktiviti hobi di masa lapang. Pada masa itu, Paragliding adalah aktiviti lasak baru hanya diceburi hanya sebilangan kecil penggemar. Namun atas kesungguhan beliau telah mempertingkatkan kemahiran sehingga mencapai tahap tertinggi iaitu Jurulatih. Lebih membanggakan, beliau telah menjadi Jurulatih Paragliding Kebangsaan Pertama, yang membawa pasukan Malaysia ke Sukan SEA dan Kejuaraan Paragliding Dunia.

Langkah beliau dalam paragliding tidak berhenti di situ. Atas potensi yang dilihatnya setelah terlibat dengan aktiviti ini di dalam dan luar negara, beliau telah membuat keputusan yang amat drastik dengan meninggalkan kerjaya dan menubuhkan syarikat paragliding sendiri. Syarikat Flyhigh adalah syarikat paragliding pertama di Malaysia yang memujidkan pusat paragliding pertama yang dinamakan sebagai Borneoparagliders. Pada ketika itu aktiviti belum dikenali ramai dan belum menjadi aktiviti secara komersil. Namun atas kegigihan beliau, Borneoparagliders telah mengubah aktiviti yang pada asalnya hanya sebagai aktiviti hobi, menjadi aktiviti komersil yang memberikan pulangan pendapatan yang lumayan. Dengan sokongan dari Kementerian Pelancongan Sabah, aktiviti yang pada mulanya kurang popular, telah berevolusi menjadi salah satu produk utama dalam industri pelancongan di Sabah dan Malaysia.

Selain dari melatih juruterbang baru dari dalam dan luar negara, Borneoparagliders juga menganjurkan acara pertandingan paragliding peringkat tempatan, kebangsaan mahupun antarabangsa. Aktiviti yang paling besar adalah memberikan perkhidmatan penerbangan beriringan untuk pelancong yang datang ke Sabah. Pada setiap tahun, jumlah pelancong yang mendapatkan perkhidmatan penerbangan paragliding meningkat dan mencecah purata 2000 pelancong sebulan atau 24000 setahun.

Sebagai Alumni UiTM jurusan Pengurusan Perniagaan dan PALAPES, ditambah dengan pengalaman sebagai Pegawai Tentera, penulis melihat beliau adalah seorang yang gigih dan tidak mempersiakan ilmu dan pengalaman untuk satu kejayaan, maka tidak hairan, bermula sebagai syarikat kecil yang hanya mempunyai kakitangan seramai 5 orang termasuk beliau sendiri bertindak sebagai juruterbang, kini Borneoparagliders mempunyai 45 kakitangan. Syarikat ini kini mula dikenali ramai penggemar luncur udara dalam dan luar negara.

## Rujukan

- [1] Ruang Angkasa Menggatal Gamit Peminat Luncur Udara, Dimuat turun pada 15 April 2022 daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruang-angkasa-manggatal-gamit-peminat-luncur-udara-346655>
- [2] Paragliding in Bukit Kokol Not For Fain Hearted, Dimuat turun pada 15 April 2022 daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/the-borneo-post/20220216/281956021210998>
- [3] Xtreme Entrepreneurs. Dimuat turun pada 15 April 2022 daripada <https://www.entrepreneur.com/article/189088>







**Salah satu  
permandangan  
semasa luncur  
angin**

## **Borneo Paragliding**



**Mejar (B) Haznain Ngamil**



**Bersama pelancong dari  
luar negara**